



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN AMALAN KAJIAN TINDAKAN DENGAN TAHAP PROFESIONALISME GURU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SALMAH BINTI IBRAHIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2014



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN AMALAN KAJIAN TINDAKAN DENGAN TAHAP PROFESIONALISME GURU

SALMAH BINTI IBRAHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2014



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

iii

PENGAKUAN

Saya mengaku penyelidikan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

28 Ogos 2014

SALMAH BINTI IBRAHIM

M2011000906



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana akhirnya penyelidikan ini berjaya disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan. Tentunya kejayaan ini dicapai dengan bantuan dan sokongan padu penyelia penyelidikan ini iaitu, Prof. Dr. Othman bin Lebar. Beliau bukan sahaja menyokong pelaksanaan penyelidikan ini secara moral tetapi juga bersedia memberikan panduan, komen yang positif dan membina serta menjadi pemudahcara yang berterusan tanpa jemu.

Sesungguhnya cetusan daripada beberapa kursus yang dipelajari di Fakulti Pendidikan & Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris banyak membantu penyelidik memahami dengan lebih mendalam bidang penyelidikan yang dijalankan dan menjadi pencetus pertama kepada penyelidikan ini. Dengan itu, penyelidik merakamkan penghargaan yang tinggi kepada semua pensyarah seperti Dr. Amir bin Salleh @ Mohd. Saleh, Prof. Madya Dr. Siti Eshah Mokshein dan Prof. Madya Dr. Goh Swee Choo. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia kerana telah membiayai pengajian penyelidik.

Akhir sekali, terima kasih dan sekalung sanjungan dihadiahkan kepada seisi keluarga tersayang terutama ibu yang banyak berkorban, berkongsi susah senang dan memperuntukkan masa berharga mereka kepada penyelidik demi menyiapkan penyelidikan ini.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hubungan amalan kajian tindakan dengan tahap profesionalisme guru. Kaedah tinjauan dengan teknik Pensampelan Mudah (*Convenience Sampling*) digunakan untuk mendapat maklumat melalui instrumen soal selidik yang mempunyai kebolehpercayaan Alfa Cronbach = 0.957. Responden kajian terdiri daripada 284 orang guru-guru yang pernah menjalankan kajian tindakan di sekolah-sekolah menengah dan rendah di negeri Perak. Penganalisaan data dalam kajian ini menggunakan SPSS secara deskriptif untuk mendapat nilai kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai manakala statistik inferensi iaitu analisis regresi pelbagai dan ujian Khi Kuasa Dua digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Hasil kajian ini menunjukkan tahap kemahiran guru tentang kajian tindakan adalah pada tahap sederhana. Hasil analisis regresi pelbagai menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara kemahiran menjalankan kajian tindakan dengan tahap profesionalisme guru. Kemahiran menjalankan kajian tindakan menerangkan 4.3% daripada variasi di dalam tahap profesionalisme guru. Pengalaman menjalankan kajian tindakan dan kekerapan menjalankan kajian tindakan didapati tidak signifikan di dalam menerangkan variasi tahap profesionalisme guru. Keputusan ujian Khi Kuasa Dua pula menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara kemahiran menjalankan kajian tindakan dengan kelayakan akademik guru (Cramer's ϕ $V = 0.254$). Namun, terdapat perhubungan yang signifikan antara kemahiran menjalankan kajian tindakan dengan pengalaman mengajar guru (Cramer's $V = 0.268$). Kesimpulannya, kajian tindakan merupakan satu model pembangunan profesional yang sangat berkesan untuk mentransformasikan guru menjadi seorang pengamal reflektif, penyelesai masalah yang sistematik dan membuat keputusan yang bijaksana.





RELATIONSHIP BETWEEN ACTION RESEARCH PRACTICE AND TEACHER PROFESSIONALISM

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the relationship between the action research practices and teacher professionalism. A survey method with Convenience Sampling approach was used to obtain information through a questionnaire that has a reliability value of Alpha Cronbach, 0.957. Respondents for the study were 284 teachers whom have experience conducting action research at secondary and primary schools in Perak state. Data from the survey were analysed descriptively and inferentially using SPSS programme. Descriptive analysis was used to obtain the frequency, percentage, mean and the standard deviation, meanwhile inferential analysis was conducted through multiple regression analysis and Chi Square Test to answer the related research question. Study finding shows that the skill level of teachers on action research is at the moderate level. Results of multiple regression analysis showed a significant relationship between skill in conducting action research and the level of teachers' professionalism. Skill in conducting action research explains 4.3% of the variation in the level of teacher professionalism. Experience in conducting action research and frequency in conducting action research were found not to be significant in explaining the variation of professionalism level. Chi Square Test result shows that there is no significant relationship between the skills in conducting action research based on their academic qualification (Cramer's V = 0.254). However, there were significant relationship between the skills of teachers in conducting action research with their teaching experience (Cramer's V = 0.268). In conclusion, action research is a model of highly effective professional development tool to transform teachers into a reflective practitioner, a systematic problem solver and a wise decision maker.





KANDUNGAN

HUBUNGAN AMALAN KAJIAN TINDAKAN DENGAN TAHAP	
PROFESIONALISME GURU	i
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv

SENARAI SINGKATAN NAMA

xv



BAB 1

PENDAHULUAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	4
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Soalan Kajian	9
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Batasan Kajian	14
1.9 Definisi Operasi	14
1.9.1 Amalan Kajian tindakan	14





1.9.2	Tahap Profesionalisme Guru	15
1.9.3	Pengalaman	15
1.9.4	Kemahiran	16
1.10	Rumusan	16
BAB 2		17
TINJAUAN LITERATUR		17
2.1	Pendahuluan	17
2.2	Sejarah Perkembangan Kajian Tindakan	17
2.2.1	Perkembangan Program Kajian Tindakan Negeri Perak	22
2.3	Asas Pemikiran Kajian Tindakan	24
2.3.1	Asas Teori Kajian Tindakan	27
2.3.2	Teori Perubahan Kesedaran Mezirow (1981)	28
2.4	Kepentingan Kajian Tindakan	29
2.5	Model Pembangunan Profesional	32
2.5.1	Model Inkuiiri	33
2.6	Guru sebagai Penyelidik	36
2.7	Pendekatan dan Strategi Penilaian Guru	40
2.8	Penglibatan Guru dalam Kajian Tindakan Di Sekolah	41
2.8.1	Bilangan Kajian Tindakan Oleh Guru	43
2.8.2	Pengalaman Guru Menjalankan Kajian Tindakan	43
2.8.3	Kemahiran Guru menjalankan Kajian Tindakan	44
2.9	Kajian Tindakan dan Perkembangan Profesionalisme Guru	46





2.9.1	Kajian Tindakan dan Pemikiran Guru	51
2.9.2	Kajian Tindakan dan Perkembangan Guru	54
2.9.3	Kajian Tindakan dan Pengetahuan Guru	55
2.9.4	Kajian Tindakan dan Pembelajaran Guru	56
2.10	Rumusan	58
BAB 3		59
METODOLOGI		59
3.1	Pendahuluan	59
3.2	Rekabentuk Kajian	60
3.3	Populasi Kajian	61
3.4	Sampel Kajian	62
3.5	Instrumen Kajian	64
3.6	Kajian Rintis	65
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	66
3.7.1	Kesahan Instrumen	68
3.7.2	Kebolehpercayaan Instrumen	69
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	71
3.8.1	Pengumpulan Soal Selidik	72
3.9	Prosedur Penganalisaan Data	72
3.9.1	Analisis Deskriptif	73
3.9.2	Analisis Inferensi	74
3.10	Rumusan	75





BAB 4

78

DAPATAN KAJIAN	78
4.1 Pendahuluan	78
4.2 Profil Responden Kajian	79
4.3 Dapatan Kajian	82
4.3.1 Analisis pelaksanaan kajian tindakan oleh guru	82
4.3.1a Analisis kekerapan guru menjalankan kajian tindakan di sekolah	82
4.3.1b Analisis pengalaman guru menjalankan kajian tindakan di sekolah	83
4.3.2 Analisis Tahap Kemahiran Guru Menjalankan Kajian Tindakan	84
4.3.3 Hubungan tahap profesionalisme guru dengan kekerapan, pengalaman dan kemahiran menjalankan kajian tindakan	86
4.3.4 Hubungan kemahiran menjalankan kajian tindakan dengan kelayakan akademik guru	88
4.3.5 Hubungan kemahiran menjalankan kajian tindakan dengan pengalaman mengajar guru	89
4.4 Rumusan dapatan kajian	90
4.5 Kesimpulan	91

BAB 5

92

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

92

5.1 Pendahuluan	92
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	93
5.2.1 Kekerapan guru menjalankan kajian tindakan di sekolah	94
5.2.2 Pengalaman guru menjalankan kajian tindakan di sekolah	97
5.2.3 Kemahiran guru tentang kajian tindakan	98





5.2.4a Hubungan di antara tahap profesionalisme guru dengan kekerapan menjalankan kajian tindakan	100
5.2.4b Hubungan di antara tahap profesionalisme guru dengan pengalaman menjalankan kajian tindakan	103
5.2.4c Hubungan di antara tahap profesionalisme guru dengan kemahiran menjalankan kajian tindakan	105
5.2.5 Hubungan kemahiran menjalankan kajian tindakan dengan kelayakan akademik guru	107
5.2.6 Hubungan kemahiran menjalankan kajian tindakan dengan pengalaman mengajar guru	108
5.3 Kesimpulan	109
5.4 Implikasi Dapatan Kajian	111
5.4.1 Guru	111
5.4.2 Pengetua/Guru besar sekolah	112
5.4.3 Jabatan Pelajaran Negeri dan Daerah	112
5.4.4 Kementerian Pelajaran Malaysia	113
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	113
5.6 Penutup	115
RUJUKAN	116
LAMPIRAN	124
A. Soal selidik	124
B. Borang Kesahan Kandungan Soal Selidik	131
C. Analisis Kesahan Kandungan	136
D. Senarai Pakar Kesahan Kandungan	140





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

E.	Surat Kelulusan Kementerian Pelajaran Malaysia	141
F.	Surat Kelulusan JPN Perak	142



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

Jadual 2. 1 : Konvensyen Kajian Tindakan Negeri Perak	24
Jadual 3. 1: Taburan item soal selidik	65
Jadual 3. 2 : Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	70
Jadual 3. 3 : Nilai mean korelasi antara item	71
Jadual 3. 4 : Interpretasi Skor Min	73
Jadual 3. 6 : Interpretasi tahap kekuatan hubungan dalam ujian korelasi	74
Jadual 3. 7 : Soalan kajian dan analisis data	76



Jadual 4. 1 : Profil responden kajian	
Jadual 4. 2 : Kekerapan guru menjalankan kajian tindakan di sekolah	83
Jadual 4. 3 : Pengalaman guru menjalankan kajian tindakan di sekolah	84
Jadual 4. 4 : Analisis min keseluruhan tahap kemahiran guru	85
Jadual 4. 5 : Analisis Deskriptif	86
Jadual 4. 6 : Ringkasan Model	87
Jadual 4. 7 : Koefisien	87
Jadual 4. 8: Kemahiran menjalankan kajian tindakan dengan kelayakan akademik	88
Jadual 4. 9 : Kemahiran menjalankan kajian tindakan dengan pengalaman mengajar guru	89





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SENARAI RAJAH

Rajah 1. 1 : Kerangka konseptual kajian	12
Rajah 2. 1: Carta alir Program Satu Sekolah Satu Kajian Tindakan	23
Rajah 3. 1 : Skala Kesesuaian Item	68



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI SINGKATAN NAMA

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	BPPDP
Kementerian Pelajaran Malaysia	KPM
Pengajaran dan Pembelajaran	P & P
Jabatan Pelajaran Negeri	JPN
Universiti Pendidikan Sultan Idris	UPSI
Pusat Kegiatan Guru	PKG
Pejabat Pelajaran Daerah	PPD
Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia	STPM
Sijil Pelajaran Malaysia	SPM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Memartabatkan profesi perguruan merupakan salah satu bidang dari sembilan bidang utama dalam rangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015. Peningkatan kemahiran guru dan kualiti pengajaran akan menjadi fokus utama bagi mencapai matlamat ini kerana pendidikan hari ini tidak mencukupi sekadar menyiapkan generasi muda dengan ilmu pengetahuan yang berbentuk teori fizikal semata-mata, tetapi berkehendakkan generasi muda mempunyai kemampuan berfikir di luar kotak, kemahiran bersifat '*hands on*' serta kemahiran interpersonal yang tinggi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



bagi menjamin kebolehpasaran (*marketability*) dan kebolehan hidup bermasyarakat mendepani cabaran masa depan yang penuh dengan cabaran. Oleh itu, guru perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan demi mendokong hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dengan menekankan pencapaian anak-anak dalam bidang pendidikan. Pelbagai program pembangunan profesional perlu diperkenalkan bagi membolehkan guru-guru meningkatkan serta mengembangkan pengetahuan mereka.

Berdasarkan Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kajian Tinjauan Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran (*the Teaching and Learning International Survey – TALIS*) mendapati penglibatan guru di Malaysia dalam pembangunan profesionalisme berterusan adalah sangat baik. Lebih daripada



90% profesionalisme sekitar sepuluh hari setahun, iaitu lebih daripada keperluan tujuh hari setahun seperti yang ditetapkan oleh kerajaan. Latihan ini meliputi latihan kendiri, bengkel di luar sekolah, dan aktiviti bimbingan berdasarkan sekolah seperti pemerhatian dalam bilik darjah dan perancangan pengajaran. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru di Malaysia sangat beriltizam untuk meningkatkan diri.

Hasrat Kementerian untuk meningkatkan peratusan aktiviti pembangunan profesionalisme berdasarkan sekolah seperti pemerhatian rakan sekerja dan perancangan pengajaran daripada 16 % pada masa kini adalah sangat baik. Usaha ini berdasarkan dapatan kajian antarabangsa yang menunjukkan bahawa latihan amali di tempat kerja adalah lebih berkesan daripada program latihan yang dijalankan di luar





sekolah. Kumpulan fokus guru Malaysia juga melaporkan bahawa latihan di tempat kerja adalah lebih berguna apabila ketua bidang atau pengetua/guru besar memerhatikan mereka kerana keadaan ini membolehkan mereka mendapat maklum balas langsung tentang cara menambah baik amalan di bilik darjah. Pendekatan ini boleh dilaksanakan melalui model inkuiiri di mana guru menjalankan kajian bagi meningkatkan amalan di dalam bilik darjah.

Beasley (1981) telah menyenaraikan banyak kelebihan kajian tindakan yang dijalankan oleh para guru. Antaranya, kajian tindakan adalah berdasarkan pengetahuan sedia ada guru yang terkumpul melalui pengalaman sebenar. Kajian tindakan dapat merapatkan jurang antara teori dan amalan kerana ia memberi tumpuan kepada isu atau masalah semasa yang dihadapi oleh guru. Satu lagi kelebihan kajian tindakan ialah kepantasan penerimaan maklumbalas yang memungkinkan tindakan bermakna di ambil ke atas situasi kajian. Pandangan ini ditegaskan oleh Brock-Utne (1980) dengan menyatakan bahawa kajian tindakan memberikan maklumbalas yang cepat tentang keputusan yang perlu di ambil oleh pengamal pendidikan.

Banyak kajian telah dijalankan oleh pakar pendidikan tentang kajian tindakan dan impaknya terhadap guru dan perkembangan profesionalisme keguruan. Dapatan daripada beberapa pengkaji menunjukkan kajian tindakan dapat meningkatkan tahap profesionalisme keguruan (Mertler, 2009; Reeves, 2008; Lomax, 1994; Sardo-Brown, 1995; Zuber-Skerritt, 1991). Kajian tindakan juga dapat meningkatkan kerjasama dengan rakan sejawat, memudahkan penyesuaian diri dengan perubahan dalam sistem pendidikan serta dapat meningkatkan tahap profesionalisme keguruan (Jamil, 2002),





membantu guru-guru mengembangkan pengetahuan dalam profession mereka (Yuen-Ling Li, 2008; Somekh, 2006). Kajian tindakan merupakan aspek yang penting dalam kehidupan profesional guru di mana ia menyediakan ruang bagi guru untuk belajar tentang diri mereka, pelajar mereka dan dapatan kajian guru lain (Mc Niff, 2010).

1.2 Latar Belakang

Konsep perkembangan profesionalisme harus dilihat sebagai satu proses pembelajaran yang dinamik dan menjurus kepada tahap pemahaman dan kesedaran yang baru tentang amalan serta mengambil tindakan untuk mengubahnya supaya menambah baik keadaan. Konsep ini memperlihatkan perkembangan profesionalisme sebagai

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi
menjana ilmu sendiri, meneliti dan memahami amalan kendiri dengan tujuan menambah baik amalan. Perkembangan profesionalisme adalah merupakan proses yang melibatkan guru memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang penting untuk amalan profesionalisme yang berkesan di setiap tahap perkembangan kerjayanya (Othman, 2011).

Satu pendekatan yang menepati konsep perkembangan profesionalisme tersebut ialah melalui amalan kajian tindakan. Keistimewaan amalan kajian tindakan ialah pendekatan ini merupakan satu pendekatan perkembangan profesionalisme yang boleh dilakukan sama ada secara kendiri atau secara berkolaborasi yang mana guru sentiasa membuat refleksi tentang kesan amalan dan tindakan beliau ke atas pendidikan kanak-kanak dan sentiasa merancang dan melaksanakan tindakan





penambahbaikan di bilik darjah mahu pun di peringkat sekolah. Guru juga beransur maju ke arah menjadi seorang pengamal yang reflektif. Pengamalan reflektif mempunyai banyak kelebihan yang menyumbang kepada peningkatan amalan, menggalakkan inovasi, menambah ilmu dan memudahkan perubahan berlaku. Kajian tindakan adalah asas penting dalam inovasi pendidikan sebab ia membuka ruang guru mencuba inovasi (Lomax, 1994).

Kajian tindakan merupakan satu kaedah yang sangat sesuai digunakan dalam perkembangan profesional, terutamanya dalam bidang pendidikan (Grundy, 1995). Ia digunakan sebagai inkuiiri reflektif kendiri bagi pengamal-pengamal yang terlibat dalam situasi sosial atau pendidikan untuk meningkatkan amalan atau kefahaman mereka tentang sesuatu amalan (Carr & Kemmis, 1983; Kemmis & McTaggart,

1988). Carr & Kemmis (1983) menegaskan bahawa guru-guru itu sepatusnya menjalankan kajian tentang amalan kelas mereka untuk perkembangan profesional. Hubbard & Power (2003) menerangkan melalui kajian tindakan guru memegang peranan sebagai penyelidik, mengumpul maklumat-maklumat berkaitan untuk menerangkan amalan mereka kepada seseorang yang kurang sensitif pada pengajaran dan pembelajaran di kelas mereka. Beberapa kajian lepas menunjukkan guru-guru yang terlibat dengan kajian tindakan mempunyai efikasi kendiri yang tinggi serta meningkatkan kebolehan menyelesaikan isu-isu di dalam bilik darjah mereka (Holly et al., 2005; Stringer, 1999).

Kajian tindakan boleh digunakan sebagai satu alat untuk membantu guru dan pendidik di dalam strategi meningkatkan pengetahuan profesional, kemahiran, kaedah pedagogi dan kurikulum. Kajian tindakan melibatkan penggunaan kaedah gelungan





yang sistematik iaitu merancang, menjalankan tindakan, membuat pemerhatian, membuat penilaian dan membuat refleksi keatas tindakan (Reason & Bradbury, 2001). Sebagai penyelidik kajian tindakan, guru menjadi lebih reflektif ke atas amalannya, berkemahiran di dalam menganalisis dan menyelesaikan masalah berhubung kehidupan profesional mereka (Sagor, 2009). Banyak kajian-kajian mendapati kajian tindakan dapat memberi dorongan kepada perubahan positif guru, pembelajaran keseluruhan, kerja berpasukan, meningkatkan kepuasan kerja dan moral pekerja (Anderson, 2002; Jamil, 2002). Kajian tindakan membantu guru-guru mengembangkan pengetahuan, pendekatan pengajaran dan meningkatkan keyakinan diri mereka (Ingo Eilks & Silvija Markic, 2011; Othman Lebar, 2011). Kajian tindakan merupakan alat bagi pembangunan profesionalisme guru yang penting di mana guru-guru dapat berkongsi pendapat dan sumber, membuat refleksi dalam proses kajian tindakan dan memberi maklum balas terhadap amalan sesama mereka. (T. Subahan et al., 2011).

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, gelombang pertama (2013-2015) memberi fokus kepada meningkatkan standard profesionalisme guru. Oleh itu kaedah-kaedah yang berkesan perlu dikenalkan kepada guru-guru untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Menurut Dr. Mohammad Sani Ibrahim (dalam Utusan Malaysia 20 Mac 2002), tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran bagi sekolah bestari masih





pada tahap yang rendah. Antara punca tahap pengetahuan dan kemahiran guru rendah adalah kurangnya penyelidikan dijalankan oleh guru-guru tentang amalan bilik darjah.

Amalan kajian tindakan dalam kalangan guru merupakan antara usaha yang diperkenalkan di negara-negara maju untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru. Di Malaysia, walaupun kajian tindakan diperkenalkan mulai tahun 1993, tetapi sejauh manakah guru-guru telah menjalankan kajian tindakan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran mereka? Madzniyah (2006) dalam kajiannya mendapati kebanyakan alasan guru melaksanakan kajian tindakan adalah disebabkan arahan yang diterima sama ada dari Jabatan Pelajaran Negeri atau pihak sekolah. Kajian ini memberikan hubungan amalan kajian tindakan dalam meningkatkan tahap profesionalisme guru.



Berdasarkan kajian-kajian lepas (Chad W., 2011; Ingo E. & Silvija M., 2011; Conway & Jeffers, 2004; Hookey, 2002; Calhoun, 2002) penyelidikan tentang kajian tindakan dan perkembangan profesionalisme guru dijalankan. Calhoun (2002) misalnya berpandangan bahawa kajian tindakan adalah pemangkin kepada perkembangan profesionalisme guru-guru di dalam bilik darjah. Kajian ini memberikan hubungan kajian tindakan dengan tahap profesionalisme guru-guru di Malaysia.

Walaupun terdapat beberapa kajian mengenai kajian tindakan di Malaysia seperti pelaksanaan kajian tindakan oleh guru di sekolah (Madzniyah 2006), pemupukan budaya penyelidikan dikalangan guru di sekolah (Jamil 2002), masih amat kurang penyelidikan untuk melihat hubungan kajian tindakan ke atas





peningkatan tahap profesionalisme guru. Meskipun hasil dapatan kajian-kajian terdahulu menunjukkan budaya penyelidikan di sekolah masih lemah, namun kepentingan kajian tindakan dalam meningkatkan tahap profesionalisme guru harus dikaji.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap profesionalisme guru yang pernah menjalankan kajian tindakan di sekolah. Secara khususnya, objektif kajian adalah mengukur :

- i. kekerapan melaksanakan kajian tindakan di sekolah dan pengalaman guru menjalankan kajian tindakan
- ii. tahap kemahiran guru dalam menjalankan kajian tindakan di sekolah.
- iii. hubungan dan sumbangan antara tahap profesionalisme guru dengan
 - a) kekerapan menjalankan kajian tindakan
 - b) pengalaman menjalankan kajian tindakan
 - c) kemahiran menjalankan kajian tindakan
- iv. hubungan antara kemahiran guru yang menjalankan kajian tindakan dengan kelayakan akademik guru.
- v. Hubungan antara kemahiran guru yang menjalankan kajian tindakan dengan pengalaman mengajar guru.





1.5 Soalan Kajian

- i. Setakat manakah kekerapan guru menjalankan kajian tindakan di sekolah?
- ii. Sejauh manakah tahap kemahiran pengetahuan guru menjalankan kajian tindakan di sekolah?
- iii. Apakah hubungan dan sumbangan di antara tahap profesionalisme guru dengan
 - a) kekerapan menjalankan kajian tindakan?
 - b) pengalaman menjalankan kajian tindakan?
 - c) kemahiran menjalankan kajian tindakan?
- iv. Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru menjalankan kajian tindakan dengan kelayakan akademik guru?
- v. Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru menjalankan kajian tindakan dengan pengalaman mengajar guru?



Hipotesis :

$$Y = B_0 + B_1X_1 + B_2X_2 + B_3X_3$$

$$\text{Tahap profesionalisme} = B_0 + B_1\text{Kekerapan} + B_2 \text{ Pengalaman} + B_3 \text{Kemahiran}$$

$H_0 : B_1 = B_2 = B_3 = 0$; tiada hubungan linear signifikan antara tahap profesionalisme dengan kekerapan, pengalaman dan kemahiran menjalankan kajian tindakan





1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Pembentukan kerangka konseptual kajian adalah merupakan suatu prosedur pengumpulan maklumat menerusi perancangan yang teratur terhadap pembentukan hubungan antara pembolehubah yang terdapat dalam kajian (Kerlinger 1986). Kerangka konseptual ini menunjukkan hubungkait pembolehubah-pembolehubah kajian yang disokong oleh beberapa teori dan model serta kajian lepas bagi memperjelaskan data yang ingin diperolehi dalam penyelidikan yang dijalankan. Sehubungan itu, suatu kerangka konsep kajian yang menjadi asas dalam kajian ini dibina sepetimana yang di paparkan dalam Rajah 1.1

Di dalam kerangka ini, pembolehubah bebas yang akan mempengaruhi

penilaian profesionalisme guru ialah kekerapan guru menjalankan kajian tindakan di sekolah, pengalaman menjalankan kajian tindakan, kemahiran menjalankan kajian tindakan dan pengetahuan menjalankan kajian tindakan guru. Kekerapan menjalankan kajian tindakan diukur berdasarkan bilangan projek kajian tindakan yang telah dilaksanakan oleh mereka. Pengalaman menjalankan kajian tindakan adalah berdasarkan bilangan tahun guru terlibat di dalam menjalankan kajian tindakan. Kemahiran tentang kajian tindakan diukur berdasarkan pemahaman guru dalam prosedur kajian tindakan yang merangkumi proses perancangan, tindakan dan penilaian hasil tindakan.

Pembolehubah bersandar yang menjadi fokus kajian ini ialah penilaian tahap profesionalisme guru-guru yang telah menjalankan kajian tindakan di sekolah. Profesionalisme guru dinilai berdasarkan amalan pengajaran dan kesan kajian






tindakan ke atas amalan pengajaran guru. Tahap profesionalisme guru-guru diukur berdasarkan empat domain iaitu pemikiran guru, perkembangan guru, pengetahuan guru dan pembelajaran guru.

Dalam kajian ini, penyelidik mengukur sama ada terdapat perhubungan yang signifikan di antara kekerapan menjalankan kajian tindakan, pengalaman menjalankan kajian tindakan dan kemahiran menjalankan kajian tindakan dengan tahap profesionalisme guru.



PEMBOLEHUBAH BEBAS**PEMBOLEHUBAH BERSANDAR**

Rajah 1. 1 : Kerangka konseptual kajian



1.7 Kepentingan Kajian

Penyelidik cenderung menjalankan penyelidikan ini memandangkan ramai guru-guru tidak menyedari kepentingan kajian tindakan dalam meningkatkan perkembangan profesionalisme diri mereka. Di Malaysia, masih tiada kajian dijalankan untuk mengukur hubungan kajian tindakan terhadap perkembangan profesionalisme guru berbanding di luar negara di mana dapatan-dapatan menunjukkan kajian tindakan sangat signifikan dalam perkembangan profesi perguruan. Susan & Paulette (2006) mendapati kajian tindakan memberikan impak positif ke atas profesionalisme guru dan pengaruh yang besar ke atas strategi mengajar di mana guru boleh melaksanakan strategi baru dalam pengajaran mereka berdasarkan projek kajian tindakan tersebut. Guru-guru bersetuju bahawa kajian tindakan dapat memberikan perubahan positif



Dengan melakukan kajian ini, gambaran yang jelas dan signifikan terhadap kajian tindakan dan penilaian profesionalisme guru telah ditinjau. Dapatan kajian membolehkan guru-guru menilai tahap profesionalisme diri mereka dan seterusnya mencari kaedah untuk meningkatkan amalan dalam profesi mereka. Selain itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia boleh meneliti tentang kewajaran menggunakan kajian tindakan sebagai salah satu komponen di dalam penilaian prestasi guru.





1.8 Batasan Kajian

- i. Kajian hanya dilakukan ke atas guru-guru sekolah menengah dan sekolah rendah di negeri Perak sahaja.
- ii. Kajian hanya dijalankan ke atas guru-guru yang pernah menjalankan kajian tindakan.
- iii. Aspek kajian yang dipilih adalah terbatas kepada pengukuran tahap profesionalisme guru berdasarkan aspek pemikiran guru, perkembangan guru, pembelajaran guru dan pengetahuan guru.



Terdapat beberapa perkataan yang digunakan dalam kajian ini dan perlu diberikan definisi operasi seperti berikut :

1.9.1 Amalan Kajian tindakan

Amalan kajian tindakan yang dijalankan oleh guru-guru di sekolah di negeri Perak berdasarkan kekerapan dan pengalaman menjalankan kajian tindakan yang diukur menggunakan instrumen soal selidik hubungan amalan kajian tindakan dengan tahap profesionalisme guru .





1.9.2 Tahap Profesionalisme Guru

Tahap profesionalisme guru dalam kajian ini dinilai dari empat aspek utama iaitu pemikiran guru, perkembangan guru, pengetahuan guru dan pembelajaran guru di sekolah-sekolah menengah dan rendah di negeri Perak. Tahap profesionalisme ini diukur menggunakan instrumen soal selidik hubungan amalan kajian tindakan dengan tahap profesionalisme guru yang diperolehi daripada Jamil (2002). Aspek pemikiran guru akan menilai bagaimana kajian tindakan dapat mengubah cara guru berfikir, aspek perkembangan guru menilai bagaimana kajian tindakan dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru, aspek pengetahuan guru menilai bagaimana kajian tindakan dapat mengembangkan pengetahuan guru dalam profesion mereka manakala aspek pembelajaran guru menilai bagaimana kajian tindakan tindakan dapat meningkatkan



1.9.3 Pengalaman

Bilangan tahun guru menjalankan kajian tindakan di sekolah. Penglibatan dalam melaksanakan kajian tindakan sebenar sama ada secara berkumpulan atau individu.





1.9.4 Kemahiran

Kemahiran guru dalam prosedur menjalankan kajian tindakan yang melibatkan proses perancangan, tindakan dan penilaian hasil tindakan. Kemahiran guru diukur menggunakan skala ordinal berdasarkan aspek-aspek tentang kajian tindakan. Nilai min keseluruhan menunjukkan tahap kemahiran guru tentang kajian tindakan.

1.10 Rumusan

Bab ini menerangkan tentang tujuan kajian iaitu meninjau tahap profesionalisme guru-guru yang telah menjalankan kajian tindakan di sekolah dari segi pemikiran



ini penting di dalam menstruktur bentuk penilaian guru yang baru. Kajian tindakan merupakan satu bentuk program pembangunan profesionalisme yang sangat berkesan di mana melalui kajian tindakan guru-guru dapat mempelajari tentang diri mereka, pelajar mereka dan kajian guru lain.

